



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000
Faks: 03-8889 5542
Email: anhisam@moh.gov.my

Ruj. Kami : NIH.600-1/1/1 (29)
Tarikh : 23 Mac 2023

Semua Pengarah Kesihatan Negeri / Wilayah Persekutuan
Semua Pengarah Hospital / Institusi Perubatan Khas

YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin Paduka/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL.6 /2023
DASAR DAN GARIS PANDUAN NOMBOR PENGELASAN DAN PENYERAHAN
TERBITAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan menjelaskan penambahbaikan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan, Bilangan 2 Tahun 1992 dan Bilangan 3 Tahun 1996 dalam proses penerbitan agensi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerbitkan pelbagai bahan penerbitan yang mengandungi maklumat berkaitan dengan kesihatan dan perubatan negara melalui semua bahagian/jabatan/agensi/institusi dibawahnya. Setiap penerbitan baharu oleh bahagian/jabatan/agensi/institusi di bawah KKM dikehendaki memohon Nombor Siri Penerbitan daripada Pusat Penyerahan Penerbitan Kementerian Kesihatan Malaysia mengikut arahan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan, Bilangan 2 Tahun 1992 (Pusat Penyerahan Penerbitan Kementerian Kesihatan).

2.2 Permohonan nombor penerbitan ini adalah bagi memudahkan koleksi terbitan kementerian ini dikumpul sebagai depositori dan pengaksesan semula bahan berkenaan untuk mengekal, memperkasa dan memelihara hasil penyelidikan dalam bidang perubatan dan kesihatan negara sejajar dengan Surat Pekeliling Pengarah Kesihatan Malaysia, Bilangan 3 Tahun 1996 (Penerbitan Kementerian Kesihatan Malaysia).

- 2.3 Berdasarkan pekeliling Bilangan 2 Tahun 1992 dan Bilangan 3 Tahun 1996, urusan permohonan nombor siri dan penyerahan bahan penerbitan KKM telah dipertanggungjawabkan kepada Perpustakaan, Institut Penyelidikan Perubatan (IMR). Walau bagaimanapun, setelah penggabungan 6 institusi di bawah KKM pada tahun 2019, tanggungjawab ini dilaksanakan oleh Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH), Institut Kesihatan Negara (NIH), Kementerian Kesihatan Malaysia.

3.0 TARIKH DAN KUAT KUASA

Bersama-sama ini disertakan **Dasar Dan Garis Panduan Nombor Pengelasan Dan Penyerahan Terbitan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** berkuatkuasa mulai tarikh Surat Pekeliling ini dikeluarkan.

4.0 PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasa Surat Pekeliling ini, Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan terdahulu adalah terbatal seperti berikut:

- 4.1 Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 3 Tahun 1996 (Penerbitan Kementerian Kesihatan Malaysia); dan
- 4.2 Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 2 Tahun 1992 (Pusat Penyerahan Penerbitan Kementerian Kesihatan Malaysia)

5.0 CARA PERMOHONAN NOMBOR PENGELASAN DAN PENYERAHAN TERBITAN

- 5.1 Bahagian/jabatan/institusi/agensi boleh membuat permohonan melalui pautan di portal Perpustakaan NIH, Institut Kesihatan Negara.
- 5.2 Penyerahan bahan perlu diserahkan kepada Pusat Penyerahan Terbitan KKM di Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH), Institut Kesihatan Negara yang beralamat seperti berikut:

**Pusat Penyerahan Terbitan KKM
Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH)
Blok D1, Kompleks Institut Kesihatan Negara
No.1, Jalan Setia Murni, U13/52
Seksyen U13 Setia Alam
40170 Shah Alam, Selangor**

5.3 Penyerahan perlu dibuat selepas dua (2) minggu bahan diterbitkan.

6.0 PENUTUP

Sebarang pertanyaan mengenai dasar dan garis panduan ini hendaklah dikemukakan kepada:

- i) Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH)
Institut Kesihatan Negara
Kementerian Kesihatan Malaysia
No.1, Jalan Setia Murni, U13/52
Seksyen U13, Setia Alam
40170 Shah Alam, Selangor
Tel. : 03-33628479 / 03-33628476
E-mel: nihlibrary@moh.gov.my

- ii) Cawangan Sumber Maklumat dan Rekod
Bahagian Khidmat Pengurusan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 4, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
Tel. : 03-88833487
E-mel: library_hqkkm@moh.gov.my

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)

